

TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN ASNB eCHANNEL

Dikemas kini pada 27 September 2024

Terma dan Syarat Perkhidmatan ASNB eChannel (“**T&S ASNB eChannel**”) mentadbir capaian dan penggunaan Perkhidmatan ASNB eChannel (seperti yang ditakrifkan di bawah) oleh Pelanggan sebagaimana yang disediakan oleh Hong Leong Bank Berhad [193401000023 (97141-X)] (“**HLB**”) / Hong Leong Islamic Bank Berhad [200501009144 (686191-W)] (“**HLISB**”) (secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) dan hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma dan Syarat Penggunaan HLB Connect (“**T&S HLB Connect**”) dan Notis Privasi Bank.

Takrifan

“Penambahan Kegemaran”	ertinya penambahan Akaun ASNB pihak ketiga ke dalam senarai Akaun ASNB kegemaran Pelanggan.
“Pelaburan Tambahan”	ertinya pelaburan tambahan dalam Tabung Unit Amanah yang mempunyai pelaburan sedia ada untuk Akaun ASNB Pelanggan, Akaun ASNB minor yang berdaftar di bawahnya atau Akaun ASNB pihak ketiga.
“ASNB”	ertinya Amanah Saham Nasional Berhad [197901003200 (47457-V)], sebuah anak syarikat milik penuh dan Syarikat Pengurusan untuk dana yang dilancarkan oleh Permodalan Nasional Berhad [197801001190 (38218-X)].
“Akaun ASNB”	ertinya Akaun Pemegang Unit yang dibuka dengan ASNB.
“Perkhidmatan ASNB eChannel”	ertinya kemudahan untuk melakukan perkhidmatan dalam talian seperti Pertanyaan Baki, Penambahan Kegemaran, Pelaburan Baharu dan tambah nilai Tabung Unit Amanah sedia ada (“ Pelaburan Tambahan ”) secara dalam talian pada masa nyata.
“Pertanyaan Baki”	ertinya penyemakan pegangan pelaburan terkini dan sejarah urus niaga Tabung Unit Amanah dalam Akaun ASNB Pelanggan dan Akaun ASNB minor yang berdaftar di bawahnya.
“Hak Tempoh Bertenang”	ertinya hak pemegang unit yang melabur dalam mana-mana Tabung Unit Amanah Harga Berubah buat pertama kali untuk mendapatkan bayaran balik pelaburan sekiranya permintaan dibuat dalam Tempoh Bertenang. Walau bagaimanapun, Hak Tempoh Bertenang (seperti yang ditakrifkan di sini) tidak diberikan kepada kakitangan ASNB atau individu yang berdaftar dengan badan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk berurus dalam tabung unit amanah.
“Perkhidmatan Awan”	ertinya ketersediaan atas permintaan sumber sistem komputer, terutamanya storan data dan sumber pengkomputeran (cth. kuasa pengkomputeran, rangkaian, pelayan, storan, aplikasi dan perkhidmatan) yang disediakan oleh Penyedia Perkhidmatan

Awan yang boleh diperuntukkan dan dikeluarkan dengan cepat dengan usaha pengurusan yang minimum atau interaksi penyedia perkhidmatan.

“Penyedia Perkhidmatan Awan”

merujuk kepada organisasi komersial yang menyediakan Perkhidmatan Awan kepada pekerja kami yang menggunakan dan mengakses Perkhidmatan Awan yang dilanggani oleh ASNB.

“Pelanggan”

ertinya pelanggan Bank yang mempunyai akaun semasa/akaun semasa-i atau akaun simpanan/akaun simpanan-i (“**CASA/CASA-i**”) dengan Bank, yang berdaftar untuk HLB Connect dan mempunyai Akaun ASNB.

“Tabung Unit Amanah”

ertinya dana-dana berikut:-

- (a) Amanah Saham Bumiputera;
- (b) Amanah Saham Bumiputera 2;
- (c) Amanah Saham Bumiputera 3 - Didik;
- (d) Amanah Saham Malaysia;
- (e) Amanah Saham Malaysia 2 - Wawasan;
- (f) Amanah Saham Malaysia 3;
- (g) Amanah Saham Nasional;
- (h) ASN Equity 2;
- (i) ASN Equity 3;
- (j) ASN Equity 5;
- (k) ASN Equity Global;
- (l) ASN Sukuk;
- (m) ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 1;
- (n) ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 2;
- (o) ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global;
- (p) ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 1; atau
- (q) ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 2;

yang diuruskan oleh ASNB.

“Pelaburan Baharu”

ertinya membuat pelaburan baharu dalam Tabung Unit Amanah yang mana Pelanggan tidak mempunyai pelaburan sedia ada untuk Akaun ASNB sendiri dan Akaun ASNB minor yang berdaftar di bawahnya.

“PIDM”

ertinya Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, sebuah agensi kerajaan yang ditubuhkan pada tahun 2005 di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011.

Umum

1. Perkhidmatan ASNB eChannel membenarkan Pelanggan untuk melakukan perkhidmatan ASNB eChannel secara dalam talian pada masa nyata.

2. Dengan mencapai dan/atau menggunakan Perkhidmatan ASNB eChannel, Pelanggan bersetuju untuk memautkan Akaun ASNB Pelanggan dengan Perkhidmatan ASNB eChannel tanpa sebarang had atau pengecualian.
3. Perkhidmatan ASNB eChannel merupakan sebahagian daripada perbankan internet HLB Connect yang ditawarkan oleh Bank. Oleh itu, T&S ASNB eChannel ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S HLB Connect.
4. Sekiranya Pelanggan tidak menerima mana-mana atau kesemua T&S ASNB eChannel, Pelanggan dikehendaki untuk menghentikan capaian dengan serta-merta dan/atau penggunaan Perkhidmatan ASNB eChannel dengan membatalkan pendaftaran daripada Perkhidmatan ASNB eChannel. Pelanggan akan dianggap sebagai telah menerima T&S ASNB eChannel sekiranya Pelanggan berterusan mencapai dan/atau menggunakan Perkhidmatan ASNB eChannel.

Prospektus dan Halaman Serahan Produk Elektronik

5. Sebelum melabur dalam Tabung Unit Amanah, Pelanggan dengan ini bersetuju untuk membaca dan memahami kandungan Prospektus dan Halaman Serahan Produk Elektronik Tabung Unit Amanah tersebut termasuk kriteria kelayakan minimum dan kebolehsediaan Tabung Unit Amanah yang terdapat di laman sesawang ASNB (www.asnb.com.my).
6. Tabung Unit Amanah hanya ditawarkan berdasarkan maklumat yang terkandung dalam Prospektus Elektronik; sebarang maklumat di luar Prospektus Elektronik bukanlah sebahagian daripada Prospektus Elektronik tersebut.
7. Prospektus Elektronik Tabung Unit Amanah yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia boleh dicapai dengan mengetik pautan berikut:
 - [ASNB Prospektus](#)
8. Prospektus Elektronik adalah disediakan untuk tujuan pemberian maklumat dan pengarkiran sahaja. Mungkin terdapat jangka masa yang lama di antara tempoh permohonan Tabung Unit Amanah dan tarikh Prospektus Elektronik.

Pertanyaan Baki dan Sejarah Urus Niaga

9. Pelanggan boleh menyemak pegangan pelaburan terkini dan sejarah urus niaga Tabung Unit Amanah dalam Akaun ASNB Pelanggan dan Akaun ASNB minor yang berdaftar di bawahnya pada waktu nyata.

Penambahan Kegemaran

10. Pelanggan boleh menambah Akaun ASNB pihak ketiga ke dalam senarai Akaun ASNB kegemaran pada waktu nyata bagi tujuan Pelaburan Tambahan dan sebarang perkhidmatan lain yang mungkin disediakan kelak. Pelanggan juga mengeluarkan Akaun ASNB pihak ketiga daripada senarai Akaun ASNB kegemaran pada waktu nyata.

Pelaburan Baharu dan Pelaburan Tambahan

11. Pelanggan bersetuju dan mengakui bahawa:

- (a) Pelanggan bertanggungjawab atas keputusan pelaburan yang dibuat sendiri dan menyedari sepenuhnya bahawa pelaburan Tabung Unit Amanah tersebut dibuat tanpa sebarang cadangan;
- (b) Pihak Bank tidak mempunyai kewajipan untuk memberi sebarang nasihat pelaburan atau cadangan bagi semua Pelaburan Baharu dan Pelaburan Tambahan yang dibuat oleh Pelanggan melalui HLB Connect; dan
- (c) Pelanggan wajar mendapatkan nasihat mengenai kesesuaian mana-mana pelaburan Tabung Unit Amanah apabila Pelanggan merasakan patut berbuat demikian. Penggunaan atau pergantungan atas maklumat tersebut adalah atas risiko Pelanggan sendiri dan berdasarkan pertimbangan Pelanggan sendiri.

12. Pelanggan boleh membuat Pelaburan Baharu dalam Tabung Unit Amanah untuk Akaun ASNB Pelanggan dan Akaun ASNB minor yang berdaftar di bawahnya pada waktu nyata. Pelaburan Baharu ini adalah tertakluk pada had maksimum pelaburan dan kebolehsediaan Tabung Unit Amanah yang berkenaan.

13. Pelanggan boleh membuat Pelaburan Tambahan pada waktu nyata untuk akaun berikut:-

- (a) Akaun ASNB sendiri; atau
- (b) Akaun ASNB pihak ketiga; atau
- (c) Akaun minor ASNB (termasuk Akaun ASNB minor yang didaftarkan sendiri (Akaun Bijak/Remaja) dan Akaun ASNB minor pihak ketiga).

Pelaburan Tambahan ini adalah tertakluk pada had maksimum pelaburan dan unit yang masih ada dalam Tabung Unit Amanah berkenaan. Had dan syarat sedemikian boleh ditetapkan atau ditentukan oleh ASNB dari semasa ke semasa atas budi bicara mutlaknya.

14. Pelanggan dengan ini mengesahkan bahawa Pelanggan, minor yang berdaftar di bawahnya atau pihak ketiga yang dinamakan dalam senarai akaun ASNB kegemaran Pelanggan (termasuk pihak ketiga yang dinamakan dalam senarai akaun ASNB kegemaran Pelanggan yang ditambah melalui perkhidmatan Penambahan Kegemaran) layak untuk melabur dalam Tabung Unit Amanah dan membuat Pelaburan Tambahan sebagaimana yang dinyatakan dalam terma di bawah Prospektus Elektronik Tabung Unit Amanah tersebut.

15. Melainkan dimaklumkan sebaliknya (cth. penangguhan urus niaga Tabung Unit Amanah disebabkan oleh pengagihan pendapatan), Pelanggan boleh melakukan Pelaburan Baharu dan Pelaburan Tambahan pada Waktu Operasi Perniagaan ASNB yang berikut:

- (a) Tabung Unit Amanah Harga Tetap
Pukul 2.00 pagi hingga pukul 9.00 malam dari hari Isnin hingga hari Ahad (termasuk hari cuti umum kebangsaan dan Wilayah Persekutuan);
- (b) Tabung Unit Amanah Harga Berubah
Pukul 2.00 pagi hingga pukul 9.00 malam dari hari Isnin hingga hari Ahad (termasuk hari cuti umum kebangsaan dan Wilayah Persekutuan); tertakluk pada waktu transaksi diproses: -



- Transaksi dilakukan sebelum pukul 4.00 petang – dikemas kini selepas 2 hari bekerja
 - Transaksi dilakukan selepas pukul 4.00 petang – dikemas kini selepas 3 hari bekerja

(c) Perkhidmatan selain Pelaburan (seperti Penambahan Kegemaran, Pertanyaan Baki dan Sejarah Urus Niaga)
24 jam setiap hari dari hari Isnin hingga hari Ahad (termasuk hari cuti umum kebangsaan dan Wilayah Persekutuan)

16. Harga bagi Tabung Unit Amanah Harga Berubah akan dikira berdasarkan NAB Tabung Unit Amanah berkenaan pada hari penilaian berikutnya (cth. jika Pelanggan membeli Tabung Unit Amanah pada hari ini, Pelanggan hanya akan mengetahui unit yang diperuntukkan pada hari bekerja berikutnya). Maklumat mengenai NAB boleh didapati di laman sesawang ASNB (www.asnb.com.my). Tabung Unit Amanah Harga Berubah adalah :-

 - i. Amanah Saham Nasional;
 - ii. ASN Equity 2
 - iii. ASN Equity 3
 - iv. ASN Equity 5
 - v. ASN Equity Global
 - vi. ASN Sukuk
 - vii. ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 1
 - viii. ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 2
 - ix. ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global
 - x. ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 1
 - xi. ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 2

17. Pelaburan Baharu dan Pelaburan Tambahan adalah tertakluk pada Caj Jualan ASNB dan Caj Perkhidmatan Bank seperti berikut:

Jenis Tabung Unit Amanah	Caj Jualan ASNB*	Caj Perkhidmatan Bank**
Tabung Unit Amanah Harga Tetap <ul style="list-style-type: none"> • Amanah Saham Bumiputera • Amanah Saham Bumiputera 2 • Amanah Saham Bumiputera 3 - Didik • Amanah Saham Malaysia • Amanah Saham Malaysia 2 - Wawasan • Amanah Saham Malaysia 3 	Tiada	RM1.00
Tabung Unit Amanah Harga Berubah <ul style="list-style-type: none"> • Amanah Saham Nasional • ASN Equity 2 • ASN Equity 3 • ASN Equity 5 • ASN Equity Global 	2.00%	Tiada
• ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 1	1.75%	
• ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 2	1.75%	
• ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global	1.75%	
• ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 1	1.50%	

• ASN Sara (Mixed Asset Conservative) 2	1.50%	
• ASN Sukuk	1.00%	

Nota:

* Caj Jualan adalah berdasarkan NAB seunit.

** Caj Perkhidmatan adalah untuk setiap urus niaga.

18. Sebaik sahaja dihantar, permintaan Pelaburan Baharu dan Pelaburan Tambahan adalah muktamad dan tidak boleh ditarik balik. Pelanggan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa permintaan Pelaburan Baharu dan Pelaburan Tambahan adalah lengkap, tepat dan betul sebelum meneruskan urus niaga tersebut.
19. Permintaan Pelaburan Baharu dan Pelaburan Tambahan akan diproses apabila amaun Pelaburan Baharu dan Pelaburan Tambahan dan caj berkaitan didebit dari CASA/CASA-i Pelanggan. Resit yang mengesahkan status Pelaburan Baharu dan Pelaburan Tambahan akan dikeluarkan untuk rekod dan rujukan Pelanggan.
20. Bagi permintaan Pelaburan Baharu dan Pelaburan Tambahan yang tidak berjaya, pihak Bank akan mengkreditkan semula amaun Pelaburan Baharu dan Pelaburan Tambahan dan caj berkaitan yang didebit dari CASA/CASA-i Pelanggan (sekiranya ada, dan tertakluk pada pengesahan serta bayaran balik oleh ASNB) dan mengemas kini status Pelaburan Baharu dan Pelaburan Tambahan di HLB Connect dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.
21. Pelanggan boleh menyemak satus Pelaburan Baharu dan Pelaburan Tambahan di HLB Connect. Sebagai alternatif, Pelanggan boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di 03 7730 8899.

Hak Tempoh Bertenang

22. Pelanggan yang layak mendapatkan Hak Tempoh Bertenang boleh menggunakan hak tersebut dengan mengemukakan resit urus niaga pelaburan permulaan di mana-mana cawangan Bank, cawangan ASNB atau Ejen ASNB yang lain. Amaun pelaburan akan dikembalikan kepada Pelanggan dalam bentuk tunai, cek atau pindahan ke dalam akaun bank Pelanggan yang berdaftar dengan ASNB, dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh permohonan pembatalan pelaburan tersebut. Bagi pelaburan menerusi Skim Pelaburan Ahli – KWSP (“SPA-KWSP”), pembayaran balik akan dipindahkan ke dalam Akaun 1 KWSP Pelanggan.

Keizinan untuk Mendedahkan Maklumat Peribadi

23. Pelanggan dengan ini mewakili dan mengesahkan yang Pelanggan telah mendapat keizinan pihak ketiga yang dinamakan dalam perkhidmatan Penambahan Kegemaran dan Pelaburan Tambahan sebelum menyerahkan maklumat peribadi pihak ketiga tersebut untuk pungutan, pegangan dan penggunaan Bank sebagaimana yang dinyatakan dalam Notis Privasi Bank yang boleh dipinda dari semasa ke semasa.
24. Pelanggan dengan ini bersetuju dan mengizinkan, serta mengesahkan bahawa persetujuan pihak ketiga telah diperolehi untuk membernarkan pihak Bank mendedahkan butir-butir peribadi Pelanggan seperti nama, nombor kad pengenalan, alamat e-mel, alamat kediaman, hubungan Pelanggan dengan pihak ketiga, tujuan transaksi, sumber dana, dan/atau apa-apa maklumat

berkaitan lain ("Maklumat Diperlukan") yang terpakai di bawah semua undang-undang yang berkenaan kepada ASNB.

25. ASNB boleh membuat perjanjian dengan mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga, dalam atau luar negara, untuk menyediakan Perkhidmatan Awan dan perkhidmatan lain yang berkaitan. Dalam berbuat demikian, ASNB mungkin dikehendaki untuk berkongsi maklumat Pelanggan atau pihak ketiga dengan Penyedia Perkhidmatan Awan ASNB bagi tujuan melaksanakan perkhidmatan mereka dan ASNB akan memastikan penyedia perkhidmatan tersebut melindungi kerahsiaan maklumat dan tidak menggunakan untuk sebarang tujuan yang lain. Dengan meneruskan Perkhidmatan Awan ini, Pelanggan atau pihak ketiga selanjutnya akan dianggap telah memberikan persetujuan untuk ASNB menggunakan dan mendedahkan maklumat kepada Penyedia Perkhidmatan Awan yang dilanggani oleh ASNB.

Risiko Internet yang Sedia Ada

26. Walaupun pihak Bank komited untuk mengambil langkah-langkah keselamatan terbaik bagi memastikan urus niaga yang dilakukan di HLB Connect adalah selamat dan terjamin, masih terdapat risiko komunikasi internet sedia ada yang di luar kawalan pihak Bank. Justeru itu, Pelanggan perlu sedar akan kehadiran risiko sedia ada dan dengan ini sedia mengambil risiko tersebut apabila Pelanggan mencapai dan/atau menggunakan Perkhidmatan ASNB eChannel.

Ketidaklayakan Seorang Muflis

27. Pelanggan dengan ini mengesahkan dan mengisyiharkan bahawa Pelanggan bukanlah seorang muflis dan tiada sebarang petisyen kemuflisan telah difailkan terhadap Pelanggan atau tiada sebarang penghakiman terhadap Pelanggan yang belum dalam tempoh lebih daripada tiga puluh (30) hari dari tarikh semasa.

Kepatuhan dengan Undang-undang

28. Pelanggan bersetuju bahawa semua butiran yang diberikan adalah benar dan tepat dan pelaburan dalam Tabung Unit Amanah tersebut tidak bertentangan dengan undang-undang Malaysia termasuk dan tidak terhad kepada Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 ("AMLATPUAA 2001") serta Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing ("FATCA"), sebuah undang-undang persekutuan Amerika Syarikat. Pihak Bank dan ASNB berhak untuk menamatkan semua hubungan dengan Pelanggan sekiranya Pelanggan didapati telah melanggar dan/atau tidak mematuhi mana-mana undang-undang, pengawalan dan peraturan berkenaan AMLATPUAA 2001 serta Polisi Kenali Pelanggan Anda pihak Bank dan ASNB.

Perlindungan oleh PIDM

29. Tabung Unit Amanah tidak dilindungi oleh PIDM. Wang yang dikeluarkan daripada deposit Pelanggan yang diinsuranskan untuk tujuan Pelaburan Baharu dan Pelaburan Tambahan tidak lagi dilindungi oleh PIDM.



Penafian Unit Amanah

30. Sebelum melabur, Pelanggan hendaklah mempertimbangkan risiko pelaburan serta fi dan caj yang dikenakan. Harga unit dan agihan yang perlu dibayar, jika ada, mungkin akan turun atau naik. Prestasi Tabung Unit Amanah pada masa lalu tidak boleh dianggap sebagai petunjuk prestasi pada masa hadapan.

Peringatan Penting:

Sekiranya anda mempunyai pertanyaan atau memerlukan bantuan lebih lanjut untuk menjelaskan mana-mana bahagian terma dan syarat ini, sila hubungi kami di talian 03 7626 8899 atau hantarkan e-mel kepada kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my.